

## Komitmen Sosial UMP dan PKPP ceriakan anak yatim



Kuantan, 8 April- Program Sentuhan Kasih anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) baru-baru ini memberi peluang seramai 167 anak-anak yatim mengikuti program dengan dibimbing oleh mahasiswa UMP dari Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS). Mereka diberikan sesi latihan dalam kumpulan, permainan minda, lawatan ke makmal dan sekitar kampus seterusnya dibawa berkunjung ke Safari Park Bukit Gambang Resort City Kuantan.

Program bertujuan memberikan galakan dan motivasi kepada para peserta untuk lebih bersemangat dalam meniti cabaran kehidupan sebagai anak yatim di samping menyuntik kesedaran dalam diri mereka bahawa walaupun tanpa ibu atau bapa di sisi, masih ramai individu banyak pihak yang mengasihi dan mengambil berat perihal anak-anak yatim ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Dato Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, dengan sokongan moral pelbagai pihak dan sumbangan para dermawan ini, secara peribadi menasihatkan anak-anak ini supaya sentiasa bersyukur dengan rahmat dan nikmat yang dikurniakan Allah Ta'ala kepada anda sekalian dan membalas kebaikan para dermawan tersebut dengan belajar bersungguh-sungguh dan menjadi insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

"Kita amat bersyukur kerana selain sumbangan kewangan kepada Rumah Anak Yatim Nur Iman Rompin dan Rumah Penyayang Tun Abdul Razak Pekan, pihak PKPP turut menaja peralatan sekolah kepada para anak yatim yang terlibat dalam program ini," katanya.

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, pihak pengurusan Universiti ini komited untuk memasyarakatkan UMP melalui dua medium utama iaitu kepakaran teknologi dan gerak kerja kesukarelawanan dapat dilaksanakan.



Selain itu katanya, bagi menjayakan agenda Universiti Komuniti dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 tersebut, maka pihak pengurusan Universiti ini sentiasa menyambut baik sebarang hasrat daripada mana-mana jabatan, agensi atau badan berkanun Persekutuan dan Negeri, syarikat berkaitan kerajaan, badan swasta, pertubuhan awam atau individu untuk berkolaborasi dalam pelbagai bentuk demi faedah umum.

Tambah Dato Dr Daing Nasir, selain kolaborasi dalam bentuk pengelolaan aktiviti seperti program Sentuhan Kasih ini, UMP turut mengharapkan sokongan pelbagai pihak untuk beramal jariah bagi maksud wakaf pendidikan dan endowmen melalui dana MyGift yang telah dilancarkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 1 Oktober tahun lalu.

Wujudnya sembilan jenis tabung di bawah inisiatif MyGift tersebut membolehkan para dermawan dari kalangan agensi awam, badan korporat dan orang perseorangan menentukan bentuk sumbangan yang dihasratkan bagi disalurkan kepada penerima manfaat yang berkenaan. Dana MyGift setakat ini telah digunakan bagi peruntukan biasiswa, hadiah kecemerlangan akademik, program Kongsi Rezeki dan Food For All, bantuan bencana dan sebagainya.

Melalui agenda MyGift juga, pihak pengurusan UMP turut mengharapkan sumbangan para dermawan untuk merealisasikan pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah di UMP Pekan dengan RM4.5 juta dengan usahasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam negeri Pahang.

Program berakhir dengan majlis meraikan anak-anak yatim dalam Majlis Makan Malam Sentuhan Kasih yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri Pahang, Dato' Norol Azali Sulaiman dan Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia, PKPP, Othman Sabu.

Peserta program, Muhammad Syukur Amirullah Abdullah, 15 tahun SMK Rompin melahirkan perasan gembira mendapat kawan baru dan berpeluang melawat Gambang Safari Park. Manakala Muhammad Ikhwan Hazim, 14 tahun dari SMK

Pekan berkata, peluang tinggal dalam kolej kediaman universiti dan merasai pengalaman kampus memberi inspirasi buatnya untuk melangkah ke menara gading.

Dalam majlis ini sebanyak RM10,370 disumbangkan PKPP dan Tabung MyGift UMP untuk diserahkan kepada Rumah Penyayang Tun Abdul Razak Pekan dan anak-anak yatim UMP manakala sebanyak RM4250 disumbangkan buat Rumah Anak Yatim Nur Iman Rompin.

**Disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 10-04-2017, 12:21:56